

## PENDEKATAN SOSIOLOGI HUKUM ISLAM DALAM KAJIAN USUL AL-FIQH GUNAAN: APLIKASI TERHADAP BUDAYA TRADISI MASYARAKAT BAJAU SEMPORNA

Syamsul Azizul Marinsah<sup>a\*</sup>, Mohd Anuar Ramli<sup>b</sup>

<sup>a</sup>*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88450 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia.*

<sup>b</sup>*Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.*

\*Corresponding author: [syamsulazizul@ums.edu.my](mailto:syamsulazizul@ums.edu.my)

**Article history:** Received: 06 October 2016 Received in revised form: 04 May 2018 Accepted: 16 July 2018 Published online: 14 August 2018

### Abstrak

Hukum Islam merupakan panduan hidup yang dinamik lagi komprehensif. Ia mampu menyediakan formula penyelesaian yang kompeten terhadap isu-isu yang timbul dalam masyarakat Islam, sama ada melibatkan isu klasik dalam amalan tradisi masyarakat mahupun isu baharu yang lahir dampak kemajuan sains dan teknologi semasa. Objektif kajian ini cuba membincangkan tentang kaedah penyelidikan hukum Islam yang bersifat bersepada dalam disiplin kajian Usul al-Fiqh Gunaan (*Applied Principles of Islamic Jurisprudence*). Ia memfokuskan metode sosiologi hukum Islam yang diguna pakai bagi memastikan kesimbangan di antara idealisme yang terkandung dalam hukum Islam dengan realiti perlaksanaannya di dalam masyarakat Islam. Untuk itu, pendekatan ini akan diterapkan dalam meneliti fenomena sosial dalam kehidupan masyarakat Bajau di Semporna, Sabah khususnya dalam aspek amalan tradisi mereka, iaitu kepercayaan kepada tuluh dan amalan *magombo*. Sehubungan itu, kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pengumpulan data melalui kaedah temu bual, observasi dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati, terdapat gejala sinkretisme dalam adat tradisi Bajau tersebut yang mana ia bertentangan dengan syariat Islam. Justeru, metode sosiologi hukum Islam yang diaplikasikan dapat memberikan jawapan tuntas berhubung dengan amalan yang berlaku dalam masyarakat Islam.

Kata Kunci: Usul al-Fiqh Gunaan, Sosiologi Hukum Islam, Sinkretisme, Bajau, Semporna

### Abstract

*Islamic law is a dynamic and comprehensive guide to life. It is able to provide a competent solution formula to the issues that arise within Islamic community, whether they are classical such as old traditions within the community, or new issues of advancement of modern sciences and technology. The objective of the study is to examine the traditional practice in the life of the Bajau people in Semporna, Sabah. It applies the methodology of Islamic law which focuses on the application of Applied Principles of Islamic Jurisprudence. Specifically, it adopts the sociological method of Islamic law in ensuring the balance between idealism in Islamic law and its reality in contemporary Muslim society. This qualitative research applies literature review together with fieldwork in achieving its objectives. Data collection is done using methods which include documentation, interview as well as observation. The study found that there is a symptom of syncretism in the traditional Bajau tradition which is proven to be contradictory to the Islamic law. It can be concluded that the application of sociological method of Islamic law should provide clearer picture on the traditional practices on the contemporary Muslim societies.*

**Keywords:** *Applied Principles of Islamic Jurisprudence, sociological method of Islamic law, syncretism, Bajau, Semporna*

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

### ■ 1.0 PENGENALAN

Dalam disiplin ilmu pengajian Syariah, keperluan kepada transformasi hukum Islam bagi menjawab persoalan isu kontemporari dalam masyarakat Islam hari ini merupakan satu keperluan yang perlu dititikberatkan. Kegagalan memenuhi keperluan ini akan menjadikan pengaruh hukum Islam dalam masyarakat kelihatan tidak dinamik dan komprehensif. Oleh itu, anjakan paradigma perlu dilakukan oleh para sarjana hukum Islam agar reformasi hukum dapat dilakukan. Rentetan daripada ini, pengkaji berusaha memberikan pengenalan secara ringkas berhubung dengan pendekatan sosiologi hukum Islam dalam *Usul al-Fiqh Gunaan* agar pemikiran hukum Islam sentiasa maju ke hadapan dan bersifat semasa. Sebenarnya metode ini merupakan rentetan daripada metode yang diperkenalkan oleh Louay Safi (1996).

Secara asasnya, metode ini berusaha menggabungkan pendekatan teksual normatif dan pendekatan kontekstual terutamanya dalam bentuk penelitian atau penyelidikan ilmiah yang bercorak islamik (Mahsun Fuad, 2015).

Sebagai suatu sistem hidup yang lengkap, Islam melihat kehidupan masyarakat manusia secara menyeluruh. Hukum Islam adalah satu pendekatan yang sangat mementingkan budaya dan realiti hidup semasa (Mahmood Zuhdi, 2010). Hal ini terbukti dalam sumber perundangan Islam, terdapat satu metode pengambilkiraan budaya masyarakat yang dikenali sebagai ‘al-‘Urf wa al-Adah (Subhi Mahmasani, 1971). Fakta ini membuktikan Islam sangat menghormati budaya sesuatu masyarakat, malah meraikannya dengan syarat ia tidak bertentangan dengan nas syarak. S. Waqar Ahmed Husaini (1983) menjelaskan bahawa Islam amat menitikberatkan ‘urf dan adat sesuatu masyarakat hingga ia menjadi salah satu sumber hukum Islam. Berasaskan kepada konsep ini, kajian ini cuba membincangkan tentang kaedah penyelidikan hukum Islam yang bersifat bersepada dalam disiplin kajian *Usul al-Fiqh Gunaan*. Kertas kerja ini mempunyai beberapa perbincangan yang khusus iaitu pertamanya, keperluan integrasi antara disiplin ilmu hukum Islam dan sains sosial. Kedua, konsep asas metodologi hukum Islam. Ketiga, fenomena sinkretisme di kalangan masyarakat Bajau Semporna dan terakhir bagaimana metode sosiologi hukum Islam ini digunakan dalam menangani fenomena sinkretisme dalam masyarakat Bajau.

## ■ 2.0 KEPERLUAN INTEGRASI ANTARA DISIPLIN HUKUM ISLAM DAN SAINS SOSIAL

Dalam perkembangan semasa, kajian hukum Islam memperlihatkan wujudnya seruan untuk memperbaharui dan memperkembangkan disiplin hukum Islam. Pembaharuan yang dicadangkan ini adalah melibatkan perubahan kaedah analisis dan penambahan sumber rujukan kajian hukum Islam. Muhammad al-Dasuqi (1996) misalnya menyatakan perlunya *tajdid* di dalam bidang *Usul al-Fiqh* kerana menurut beliau kebanyakkan karya-karya *Usul al-Fiqh* yang sedia ada hanya membentangkan perbahasan yang sama dan berulang-ulang. Justeru, penambahbaikan perlu dilakukan dengan memasukkan perbincangan-perbincangan baharu seperti konsep *Ta'lil al-Ahkar* dan juga *Maqasid al-Syariah*. Menurut beliau, integrasi ini penting bagi menjamin ilmu *Usul al-Fiqh* mampu menjawab persoalan semasa yang berkait rapat dengan fenomena sosial. Kenyataan ini juga turut disokong oleh sarjana barat Coulson (1969) yang mendakwa metodologi hukum Islam hanya memberikan penekanan kepada teks-teks wahyu dan kurang menitikberatkan realiti sosial masyarakat.

Secara umumnya pembaharuan di dalam kajian *Usul al-Fiqh* terbahagi dua bentuk iaitu pertama, bentuk *doktrin-normatif-deduktif* dan bentuk kedua adalah *empiris-historis-deduktif*. Pada bentuk yang pertama ia lebih berkaitan proses memilih, memberi makna, dan merumuskan kesimpulan hukum daripada teks-teks syariah (Kudbuddin Aibak, 2008). Manakala pada peringkat kedua pula, ialah proses di mana konteks sesuatu hukum itu terbentuk dan hendak diaplikasikan dianalisis secara sistematik. Dalam metode ini para sarjana telah mula melibatkan diri dalam pelbagai cabang ilmu seperti sejarah, perubatan moden, bahasa, antropologi, sosiologi, falsafah dan sebagainya (Ahmad Kamaruzzaman Boestamam, 2006).

Yusuf al-Qaradawi (1998) dalam penulisannya menyebut mengenai kepentingan pengaplikasian beberapa ilmu moden di dalam tradisi *Usul al-Fiqh*. Beliau menyatakan:

*“Pada masa kini, satu daripada faktor yang berkesan dan keperluan yang mendesak di dalam pengajian fiqh perbandingan yang mampu membantu para pelajar pengajian Islam untuk menyelesaikan titik-titik peritkaian dan pertentangan pendapat yang berlaku di kalangan para fuqaha’ dan dengan yakin mengambil pendapat yang rajih ialah dengan merujuk kepada penemuan-penemuan kajian saintifik yang dibuat di dalam pelbagai bidang keilmuan seperti di dalam astronomi, fizik, biologi, kimia, perubatan dan psikologi. Bentuk-bentuk ilmu ini tidak diketahui oleh para fuqaha’ yang lalu. Oleh itu, sebahagian kesimpulan yang mereka telah putuskan kemungkinan tidak bersesuaian dengan penemuan-penemuan ini, dan dianggap sebagai sebuah ijithad yang lemah dalam sesbuah persoalan fiqh,”*

Berhubung dengan integrasi antara hukum Islam dan sains sosial, Firdaus Nurul Huda (2002) menekankan tentang keperluan menwujudkan sebuah teori sistem perubahan hukum yang menyeluruh. Secara asasnya teori ini perlu merangkumi penentuan kategori hukum yang dapat atau tidak dapat berubah secara terperinci, timbal balik antara hukum Islam dengan fenomena sosial, memastikan kadar-kadar yang munasabah antara hukum dan perkembangan masyarakat, dan memerlukan kaedah kaedah baharu yang lebih berkesan, sistematik, serta berasas mengenai perubahan hukum tersebut. Selain itu, teori ini juga perlu mengenal pasti realiti-realiti sosial yang berkembang dan menentukan kadar keberkesaan realiti-realiti tersebut terhadap hukum Syarak. Dengan wujudnya teori sistem perubahan hukum Islam ini, maka penyelewengan dan penyalahgunaan metodologi demi kepentingan yang remeh dapat dielakkan.

Berdasarkan teori yang diperkenalkan oleh Firdaus Nurul Huda ini, sudah pasti ia semestinya memerlukan penelitian analisis sosiologi bagi melaksanakan penelitian yang sistematik dan tepat kepada sesebuah gejala sosial yang berubah yang mempunyai kaitan dengan hukum-hukum tertentu. Hal ini dibuktikan dengan fakta masa lalu bahawa para ulama juga mempunyai kepakaran ilmu, yang bukan sahaja hukum Islam seperti yang kita fahami sekarang, tetapi juga di dalam ilmu kemasyarakatan (sosiologi). Istilah metode *istiqra’i* sebagai misalnya yang dilakukan oleh Imam al-Syafie merupakan satu bukti yang jelas. Dengan metode ini, Imam al-Syafie bukan sahaja melakukan penelitian sosiologi, namun juga antropologi dalam melihat realiti umat sebagai sasaran penelitian untuk kemudian menjadi sasaran penentuan hukum Islam yang bersifat semasa. Contohnya dalam penentuan jenis atau batasan darah haid dan *istihadah* (A. Qodri Azizy, 2004). Contoh lain pula boleh dilihat umpamanya dalam kes Saidina Umar tidak memberikan zakat kepada golongan muallaf kerana menurut beliau *illah* utama pemberian zakat kepada golongan ini pada zaman pemerintahan beliau sudah tidak wujud. Fenomena sosial yang berubah ini menjadikan hukum Islam bukan sahaja meneliti kepada kewujudan nas, tetapi meneliti kepada fenomena sosial masyarakat (Abdul Fattah, 1990).

Berdasarkan teori dan contoh di atas, dapat disimpulkan bahawa jika ilmu *Usul al-Fiqh* menjadi alat bantu dalam memahami syariah, kaedah sosiologi pula merupakan alat bantu dalam memahami masyarakat, iaitu medan hukum syariah diaplikasikan. Oleh itu para fuqaha’ hendaklah menguasai metodologi kaedah penyelidikan sains sosial moden dan mengadunkannya dengan kaedah-kaedah *Usul al-Fiqh*. Ini kerana proses analisis gejala sosial ini amat penting dan termasuk di dalam kaedah ijithad *tahqiq al-manat* (mengenal pasti latar belakang

realiti masalah) sebelum proses *ijtihad takhrij* dan *tanqih al-manat* dapat dilaksanakan (Mohd Daud Bakar, 1999).

Kelancaran ulama menjalankan tugas secara jelas dapat dibantu dengan ilmu sains sosial kerana kandungan utama ilmu ini antaranya berkait rapat dengan pengetahuan tentang apa yang berlaku di dalam masyarakat dan pengetahuan tentang kenapa sesuatu tindakan dan perkembangan itu timbul di dalam masyarakat. Secara amnya penggunaan pendekatan sosiologi dalam kajian hukum Islam dapat mengambil beberapa tema iaitu pertama pengaruh hukum Islam terhadap masyarakat dan perubahan masyarakat. Kedua, pengaruh perubahan dan perkembangan masyarakat terhadap pemikiran hukum Islam. Ketiga, tingkat pengamalan hukum agama dalam masyarakat. Keempat, pola interaksi masyarakat mengenai isu-isu hukum Islam, gerakan atau organisasi di dalam masyarakat yang mendukung atau tidak menyokong perlaksanaan hukum Islam (H.M. Atho' Mudzhar, 2000).

Kebiasaannya untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan objektif dalam mengetahui kenapa sesuatu perkembangan berlaku, ilmu sains sosial lebih menekankan kajian lapangan yang bersifat saintifik yang bersesuaian dengan objek yang dikaji. Kekuatan utama pendekatan ini adalah ianya akan memperoleh hasil yang lebih tepat, terkini, dan tidak terikat dengan kajian sebelumnya. Apa yang lebih penting lagi, maklumat terkini yang diperolehi daripada penggunaan kaedah penyelidikan lapangan (*field work*) ini kemudianya perlu diterapkan dengan perkiraan semasa dan terkini di dalam menetapkan sesuatu jawapan terhadap masalah ummah (Rahimin Affandi, 2002).

### ■ 3.0 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pengumpulan data melalui kaedah temu bual, observasi dan analisis dokumen. Dalam metode ini, pengkaji menggunakan dua kaedah secara beriringan iaitu kaedah temu bual dan kaedah observasi kerana kaedah observasi mampu untuk memperkuuhkan data-data yang berhasil melalui kaedah temu bual. Dalam metode temubual, pengkaji menemu bual beberapa orang yang mempunyai maklumat dalam bidang yang dikaji. Informan tersebut dipilih berdasarkan pengalaman mereka dalam pengamalan adat tradisi. Informan kajian ini kebanyakannya terdiri daripada orang-orang kampung yang berumur 50 tahun ke atas kerana mereka dianggap arif dan matang dengan persekitaran, adat tradisi dan juga budaya. Untuk menjadikan kaedah temu bual ini bersifat objektif dan boleh diguna pakai, pengkaji telah melakukan beberapa kaedah yang bersifat mikro iaitu pengkaji telah mengadakan temu janji dengan setiap informan untuk memastikan mereka mempunyai ruang yang cukup dalam menjawab persoalan pengkaji. Teknik temu bual yang dilakukan oleh pengkaji adalah temu bual secara mendalam (*in-depth interview*). Dalam proses temu bual ini, pengkaji menggunakan pita rakaman serta catatan dan akan dipindahkan dalam bentuk transkrip bagi memastikan ia betul-betul dalam keadaan terancang. Sementara itu, kaedah pemerhatian yang pengkaji gunakan dalam kajian ini ialah pemerhatian melalui penglibatan (*participant-observation*).

### ■ 4.0 KONSEP ASAS METODE SOSIOLOGI HUKUM ISLAM

Dalam perspektif *Usul Fiqh*, secara asasnya terdapat tiga metode ijtihad, iaitu *bayani* (linguistik), *ta'lili* (qiyyas) dan *istislahi* (teologi) (Muhammad Ma'ruf ad-Dawalibi, 1965). Ekoran daripada tiga metode ini kemudian muncullah perbagai metode yang lain seperti metode *istinbath*, *istiqrai*, *takwini* dan sebagainya. Kebanyakan metode-metode ini mempunyai keistimewaan tersendiri namun terdapat banyak kekurangannya dalam menjawab persoalan yang berhubung dengan isu semasa yang berkait rapat dengan fenomena sosial (Mahsun Fuad, 2011). Justeru itu, keterbatasan metode-metode ini dalam merungkai persoalan baharu dalam menangani fenomena sosial, membuatkan pengkaji berusaha mengembangkan idea memperkenalkan satu metode iaitu sosiologi hukum Islam agar ia mampu menutup ruang-ruang kekurangan hukum Islam agar hukum Islam dapat menyelesaikan masalah yang bersifat semasa (Muhammad Anas az-Zarqa, 1989).

Metode sosiologi hukum Islam merupakan satu kajian dalam disiplin ilmu hukum Islam yang mengkaji gejala serta fenomena masyarakat sebagai latar belakang pembinaan hukum (M. Atho' Mudzhar, 1998). Masyarakat dan perkembangan sosio-budaya tidak dapat dipisahkan dari persekitaran geografi, latar belakang sejarah dan yang sewaktu dengannya yang mana keadaan-keadaan ini melahirkan perbezaan dalam tingkah laku, aktiviti serta hubungan sosial (Sumadi Suryabrata, 2010). Dalam erti kata lain, ia merupakan satu metode yang menggabungkan antara disiplin *usul-fiqh* dalam kajian hukum Islam dengan disiplin sosiologi dalam disiplin sains sosial. Kebiasaannya, dalam proses penetapan hukum Islam, penelitian terhadap realiti sosial melalui mekanisme '*urf*' dan adat perlu diaplifikasi kerana ia melibatkan kepentingan masyarakat setempat. Ia selaras dengan '*urf*' dan adat sebagai satu fenomena sosial serta fakta-fakta yang berkembang bersama pertumbuhan masyarakat (Mohd Anuar, 2010). Ini kerana tidak dapat dinafikan lingkungan atau persekitaran sosial dapat mempengaruhi pembentukan kerangka metodologi hukum (Arief Aulia Rachman, 2010).

Kaedah ini bertujuan memastikan keseimbangan di antara idealisme yang terkandung dalam hukum Islam dengan realiti pelaksanaannya di dalam masyarakat (Noor Naemah, 2003). Misalnya, sebelum sesuatu amalan dalam masyarakat Melayu itu boleh diterima pakai, sarjana hukum Islam dengan bantuan ilmu kebudayaan (sosiologi) dapat memastikan sama ada adat yang menjadi amalan masyarakat Melayu tersebut tergolong di dalam adat yang baik (*sahih*) ataupun rosak (*fasid*) (Rahmin Affandi, 2002). Ataupun apabila timbulnya isu-isu semasa dalam masyarakat setempat yang memerlukan penyelesaian hukum, sarjana hukum Islam perlu meneliti latar belakang setempat ('*urf*') sebelum memutuskan sesuatu hukum. Ini bagi memastikan hukum yang diputuskan selari dengan kemaslahatan masyarakat. Justeru itu, kajian ini cuba memfokuskan pendekatan sosiologi hukum Islam dalam meneliti fenomena sosial dalam kehidupan masyarakat Bajau-Islam di Semporna, Sabah khususnya dalam aspek amalan tradisi mereka, antaranya amalan yang berkaitan dengan kepercayaan kepada tulah dan amalan *magombo*'.

## ■ 5.0 PERBINCANGAN

Secara umumnya, orang Bajau merupakan salah satu kaum terbesar di Sabah. Berdasarkan kajian ilmiah yang pernah dijalankan oleh para sarjana, orang Bajau di Sabah boleh diklasifikasikan kepada dua kelompok iaitu kelompok Bajau di pantai barat dan kelompok Bajau di pantai timur (Saidatul Nornis, 2012). Masyarakat Bajau di pantai barat terkenal sebagai petani dan nelayan di samping menunggang kuda, manakala masyarakat Bajau di pantai timur Sabah terkenal sebagai nelayan dan penyelam yang mahir.

Secara makranya, ‘urf dan adat masyarakat Bajau di Sabah hampir sama dengan ‘urf dan adat orang Melayu di Semenanjung Malaysia. Namun, pemisahan dari sudut geografi dan pengaruh luar memperlihatkan terdapat titik perbezaan di antara kedua etnik ini. Orang Bajau kaya dengan adat tradisi yang diwarisi daripada nenek moyang secara turun temurun hingga ke hari ini. Asimilasi orang Bajau dengan ajaran Islam menyebabkan berlakunya percampuran adat tradisi Bajau dengan ajaran Islam. Akibat percampuran ini, ada antara amalan yang diwarisi itu dianggap sebagai ajaran Islam yang murni, sedangkan ia hanya amalan yang diwarisi dan tidak ada dalil yang jelas daripada al-Qur'an dan al-Sunnah. Rentetan daripada itu, pengamalan hukum ibadat dalam adat tradisi Bajau dalam kehidupan sehari-hari telah bercampur baur dengan unsur-unsur luaran, khususnya hasil pengaruh daripada kepercayaan Bajau sebelum ini iaitu kepercayaan pra-Islam. Fenomena campur aduk amalan tradisi silam dengan ajaran Islam dikenali sebagai fenomena sinkretisme.

Secara mudahnya, konsep sinkretisme boleh difahami sebagai proses penggabungan atau proses percampuran unsur-unsur asli dan unsur-unsur asing yang dapat memunculkan sebuah pola budaya baharu (Muhammad Hanif, 2006). Dalam konteks masyarakat Bajau, sinkretisme yang dimaksudkan adalah gabung jalin antara adat tradisi Bajau dengan syariat Islam. Walau bagaimanapun, fenomena sinkretisme tidak sampai ke tahap lahirnya pegangan baru yang dipercayai orang Bajau. Ajaran Islam tetap dijadikan sebagai tunjang asas dan panduan hidup cuma dalam penyelenggaraan sesuatu adat, terdapat unsur-unsur pra-Islam yang dipercayai mempengaruhi kehidupan orang Bajau. Fenomena sinkretisme dapat dilihat dengan jelas dalam kebudayaan Bajau terutamanya dalam aspek amalan tradisi. Ini kerana amalan tradisi secara tidak langsung menggambarkan perlakuan budaya sehari-hari mereka. Tradisi keagamaan yang bersumberkan kepada kepercayaan asli nenek moyang dapat dikategorikan kepada empat bahagian iaitu pertama, ritual menghadapi krisis. Kedua, ritual mengharapkan keselamatan. Ketiga, ritual menghadapi penyakit atau malapetaka. Keempat, ritual yang menggambarkan kesyukuran.

Amalan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat Bajau Semporna sebenarnya bersangkutan paut dengan ritual-ritual di atas. Mereka akan mengamalkan amalan tradisi tersebut kerana situasi yang dinyatakan di atas amat mempengaruhi kehidupan mereka. Antara amalan tradisi tersebut ialah:

### (1) Kepercayaan kepada tulah

Tulah secara mudahnya didefinisikan sebagai balasan jahat luar biasa terhadap orang yang melanggar sesuatu pantang larang. Kepercayaan kepada konsep tulah ini merupakan kawalan sosial yang amat berkesan dalam memastikan keharmonian struktur sosial masyarakat Bajau. Walau pun terdapat unsur positif dalam kepercayaan kepada konsep tulah, namun pada masa yang sama terdapat unsur negatif yang boleh merosakkan akidah orang Bajau. Menurut orang Bajau Semporna, tulah boleh menimpa seseorang jika melakukan perkara-perkara seperti berikut (Yap, 1978):

- (i). Tidak menghormati orang-orang tua. Tindakan tidak menghormati ini termasuklah mereka yang mencaci, menyumpah, kurang ajar, memarahi atau enggan menurut kehendak mereka.
- (ii). Melupakan tanggungjawab kepada ibu bapa, kaum kerabat, dan nenek moyang.
- (iii). Bersifat kedekut terhadap ibu bapa atau nenek moyang seperti tidak menunaikan permintaan mereka terhadap sesuatu barang dan sebagainya.
- (iv). Tidak menjaga barang-barang yang diwarisi.

Menurut seorang informan yang ditemubual oleh pengkaji, konsep tulah memang menebal dalam kalangan orang Bajau. Ia seolah-olah satu tegahan yang sangat ditakuti. Beliau menceritakan bahawa beliau pernah alami beberapa peristiwa pelik yang didakwa sebagai tulah warisan oleh keluarga beliau. Diceritakan bahawa barang warisan bagi keluarga mereka ialah sebuah kopiah. Tetapi kopiah tersebut telah digigit tikus dan apa yang peliknya, dengan secara tiba-tiba beliau telah mengalami keguguran rambut. Rambut yang hilang di atas kepala informan tersebut adalah sama dengan gigitan yang koyak pada kopiah tersebut. Justeru, bapa beliau sendiri berusaha untuk merawat dengan cara membelikan sebuah kopiah baharu bagi sebagai tukar ganti kopiah yang digigit tersebut disusuli dengan ritual tertentu dan bacaan doa selamat. Apa yang menariknya, dengan izin Allah SWT, rambut yang hilang di kepala informan tersebut telah pulih dan sembuh seperti sedia kala.

Unsur sinkretisme dapat dilihat dalam amalan tradisi ini ketika majlis pengubatan ‘orang yang berjin’ (orang yang memelihara jin) dalam mengubati para pesakit yang terkena tulah. Dalam proses awal upacara pengubatan tersebut, ia dimulai dengan ayat suci al-Qur'an (Hj. Abd. Kassim, 2015). Selepas itu, ia disertai dengan ucapan kalimah-kalimah bahasa Arab seperti lafadz *basmalah*, selawat ke atas nabi, doa-doa dan sebagainya. Namun, hakikatnya ini semua adalah pada awal bacaan sahaja, seterusnya ia akan diselitkan dengan bacaan mantera-mantera tertentu yang pelik dan tidak dapat difahami. Sinkretisme juga berlaku dalam amalan mantera. Kesan yang nyata hasil daripada gabung jalin antara kepercayaan tradisi Bajau dan ajaran Islam ini menyebabkan percampuran pemikiran dan budaya yang jelas bercanggah. Ini seolah-olah menggambarkan segala amalan yang bercanggah di dalam adat amalan tradisi Bajau boleh diamalkan dengan syarat diselitkan unsur-unsur ajaran Islam seperti majlis doa selamat dan bacaan ayat al-Qur'an. Fenomena sinkretisme berlaku dalam adat ini di mana ia turut dihadiri oleh golongan agama seperti imam kampung. Unsur-unsur alam seperti kuasa ghaib akan diselesaikan oleh ‘orang yang berjin’ manakala yang berkaitan dengan ajaran Islam akan dilakukan oleh imam atau ahli-ahli agama. Gejala sinkretisme dalam hal ini boleh membawa kekeliruan pemikiran terhadap doktrin agama yang dianut. Secara tidak langsung, ia boleh menjasaskan akidah kepada individu Bajau Muslim.

### (2) *Magombo' atau Kembo'-mbo'an*

*Magombo'* merupakan amalan orang Bajau untuk memuja roh leluhur nenek moyang dengan tujuan memohon rahmat dan kesejahteraan hidup (Bottignolo, 1995). Istilah lain yang sinonim dengan *magombo'* ialah *magpaii-bahau* (Hanafi Hussin). *Magombo'* atau *magpaii-bahau* merupakan ritual yang paling kompleks bagi komuniti Bajau di Semporna yang diwarisi sejak lama dahulu yang diperturunkan

melalui keturunan yang dipanggil sebagai jin yang merupakan pewaris rasmi *langkapan* (Hanafi Hussian, 2008). Amalan ini dilakukan oleh mereka yang melanggar pantang larang atau sesuatu perkara tertentu. Upacara *magombo*' ini dilakukan jika seseorang itu terdapat 'tulah keturunan' yang mana ia dalam bentuk penyakit seperti kudis, kurap atau penyakit kulit yang lain yang tidak akan sembuh walaupun dirawat dengan bantuan perubatan moden.

Upacara ritual *magombo*' biasanya akan dilaksanakan pada setiap tahun dan dilakukan mengikut tatacara tradisi, keagamaan dan melibatkan orang yang berjin. Amalan *magombo*' melibatkan jamuan besar-besaran yang juga dikenali sebagai *magjamu*. *Magjamu* dalam upacara *magombo*' merupakan satu upacara untuk memberi makan kepada roh nenek moyang. Mereka mempercayai roh semangat dan jin mempengaruhi kehidupan manusia di dunia. Sajian yang menjadi kesukaan nenek moyang mereka ialah padi baharu (*paii-bahau*). Unsur sinkretisme dapat dilihat dalam amalan tradisi ini ketika mana selesai sahaja upacara *magombo*' dilakukan, biasanya masyarakat Bajau akan mengadakan majlis doa selamat sebagai tanda kesyukuran di atas perkara buruk yang tidak diingini tidak berlaku. Sehubungan itu juga, sinkretisme dalam hal ini jelas kerana berlakunya gabung jalin antara kepercayaan kepada Allah yang maha kuasa dan kepercayaan kepada roh nenek moyang. Dalam upacara *magombo*', sedia maklum orang Bajau sangat takut kemurkaan yang dikenakan ke atas seseorang individu oleh roh nenek moyang. Seolah-olah terdapat suatu kuasa yang khusus boleh memberi mudarat selain dari Allah SWT iaitu nenek moyang. Hal ini jelas menjelaskan akidah sehingga boleh dihukumkan syirik yang besar dan nyata ke atas pelakunya.

## ■ 6.0 METODE SOSIOLOGI HUKUM ISLAM SEBAGAI LANGKAH PENYELESAIAN

Dalam interaksi dengan kebudayaan masyarakat setempat, hukum Islam tidak bersifat menolak semua sekali budaya yang sudah dihayati oleh masyarakat. Fakta ini jelas diperakui seperti yang terdapat dalam kaedah *Usul al-Fiqh* yang mana 'urf iaitu suatu asas budaya yang paling kukuh telah diterima sebagai salah satu sumber hukum Islam (al-Tufi, 1954). Merujuk kepada metode sosiologi hukum Islam, seharusnya metode ini hendaklah berasaskan kepada sosiologi masyarakat yang berada di kawasan-kawasan tertentu yang sesuai dengan keadaan mereka. Sebagai contohnya di Malaysia, pembinaan metodologi ala tempatan Malaysia ini harus mengambil kira latar belakang masyarakat Malaysia dipandang dari segi sejarah, psikologi dan mentaliti masyarakat, bentuk dan sifat kebudayaan Melayu (Rahimin Affandi, 2007). Kesemua elemen ini perlu dititikberatkan sebelum pembentukan suatu kerangka penyelidikan Islam dilaksanakan (Hashim Musa, 1996). Apa yang pastinya, pengambil kiraan kesemua persoalan ini amat penting memandangkan kerangka penyelidikan ala Islam di lokasi luar Malaysia mungkin tidak sesuai untuk dipakai bagi masyarakat Malaysia (Asmah Omar, 2000).

Justeru itu, dalam soal ini, tugas utama seseorang sarjana hukum Islam adalah menghubungkan antara syariah dengan masyarakat. Oleh itu, untuk menjayakan tugas ini mereka perlu mengetahui dengan terperinci dua komponen utama ini iaitu syariah dan masyarakat yang bakal diterapkan dengan penyelesaian hukum Islam. Kalau ilmu bantu utama untuk mendalami syariah terkandung di dalam ilmu *Usul al-Fiqh* (Nabil Sbeaby, 1982), maka begitulah juga dengan bantuan ilmu sains sosial seseorang fuqaha akan dapat mengetahui keadaan sosial masyarakat yang bakal menerima penerapan Islam (Faisal Othman, 1986).

Menurut Saleh Faghirzadeh (2008), kelancaran para sarjana hukum Islam menjalankan tugas ini secara jelas dapat dibantu dengan ilmu sains sosial. Ini kerana antara kandungan utama sains sosial adalah;

- (1) Pengetahuan tentang apa yang berkembang di dalam masyarakat.
- (2) Pengetahuan tentang kenapa sesuatu tindakan dan perkembangan itu timbul di dalam masyarakat.

Pada kebiasaannya, untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan objektif dalam bahagian ke (ii) ini, ilmu sains sosial lebih menekankan kajian soal selidik yang bersifat saintifik bersesuaian dengan objek yang dikaji. Kekuatan utama pendekatan ini adalah ianya akan memperolehi hasil yang lebih tepat, terkini dan tidak stereotype dengan kajian sebelumnya (Faisal Othman, 1986). Berhubung dengan fenomena sosial masyarakat Bajau yang khususnya bersangkutan paut dengan gejala sinkretisme terutama dalam amalan tradisi mereka, pendekatan sosiologi hukum yang digunakan harus menepati kaedah berikut;

- (1) Kaedah pencarian jawapan syarak berasaskan sumber *naqli* dan '*aqli* terhadap permasalahan hukum amali yang timbul di dalam masyarakat. Dalam hal ini, para sarjana hukum Islam hendaklah menggunakan pakai beberapa kaedah tradisi silam dalam mengistinbath hukum. Kaedah seperti induktif, deduktif, dan kaedah historis (kaedah pensejarahan) sangat penting dalam hal ini bagi memastikan hukum yang berkait rapat dengan masyarakat Bajau tepat dan tidak terlalu keras memandangkan masyarakat Bajau banyak terpengaruh dengan fahaman animisme sebelum ini.
- (2) Kaedah mencari maklumat terperinci terhadap objek masalah, persoalan mukallaf yang menjadi fokus utama di dalam sesuatu permasalahan hukum. Dalam hal ini, kepentingan pengetahuan berkaitan sains sosial sangat dititikberatkan kerana ilmu sains sosial mampu mengenali lebih rapat fenomena sesuatu masyarakat. Antara kaedah dalam hal ini dirumuskan seperti berikut;
  - (i). Kaedah analisis gejala sosial tentang apa yang berlaku di dalam masyarakat. Menurut Mahmood (1998), mengikut kaca mata kaedah sains sosial moden, untuk tujuan menjadikan sesuatu kajian itu bersifat logiko-empirikal sebarang usaha mendapatkan maklumat tentang apa yang berlaku yang biasanya merupakan sesuatu permasalahan perlu menggunakan beberapa metode penyelidikan lapangan yang khusus merangkumi (i) metode soal selidik, (ii) temu bual, (iii) pemerhatian (observasi), (iv) persampelan dan (v) eksperimen. Merujuk khusus kepada metode observasi, ternyata metode ini paling sesuai digunakan oleh para sarjana hukum Islam dalam memerhati fenomena sosial yang berlaku di dalam masyarakat dengan melihat apa dan bagaimana sesuatu masyarakat itu mengamalkan amalan-amalan tertentu. Dalam hal ini, pengkaji berkesempatan merakam dan melihat sendiri beberapa amalan tradisi masyarakat Bajau Semporna. Hasilnya, pengkaji dapat meneliti terdapat amalan tradisi Bajau yang bertentangan dengan syariat Islam seperti kepercayaan kepada tulah namun dicampur adukkan dengan nilai-nilai agama agar tidak berlaku kontradiksi antara ajaran Islam dan adat tradisi Bajau. Ini yang dikatakan fenomena sinkretisme yang sebenarnya boleh menggugat akidah orang Bajau Muslim. Hanya melalui pendekatan sosiologi hukum Islam sahaja adat-adat ini boleh dinilai menurut perspektif hukum Islam sama ada ia tergolong dalam 'urf sahih atau 'urf fasid.

- (ii). Pengetahuan sains sosial dapat menyumbangkan maklumat terperinci tentang tahap dan faktor perkembangan sosial semasa, yang dapat membantu para sarjana hukum Islam mengetahui latar belakang permasalahan persekitaran secara tuntas sebelum mengeluarkan sesuatu keputusan hukum. Dalam isu fenomena sosial Bajau, contoh yang boleh dilihat ialah dalam aspek pegangan agama masyarakat Bajau sebelum menganut agama Islam. Secara tradisinya, amalan tradisi masyarakat Bajau merupakan hasil daripada kepercayaan animisme seperti pemujaan dan kepercayaan kepada perkara-perkara tahuul, ghaib, kuasa jin dan sihir. Walaupun secara umumnya adat-adat ini telah menerima perubahan yang telah direlevansikan dengan nilai-nilai agama Islam, namun begitu masih terdapat amalan tradisi yang tidak menerima perubahan dan penyesuaian nilai-nilai agama Islam secara total. Sebagai contohnya ialah amalan tradisi Bajau *magombo*. Hakikatnya, latar belakang amalan ini mempunyai persamaan dengan orang Bajau di Kepulauan Filipina iaitu di pulau Tawi-tawi. Fakta ini dijelaskan oleh pengkaji sosio-budaya Bajau luar negara H. Nimmo (1972). Justeru, dapat dianalisis amalan ini benar-benar bertentangan dengan ajaran Islam kerana amalan ini mempunyai persamaan dengan adat Bajau di Filipina yang jelas percaya kepada fahaman animisme. Dengan ini, terbukti metode pengetahuan sains sosial sekali lagi memberikan impak yang besar kepada para sarjana hukum Islam sebelum mengeluarkan hukum.

## ■ 7.0 RUMUSAN

Pendekatan sosiologi hukum Islam sangat penting dalam *Usul al-Fiqh* gunaan. Secara mudahnya, metode sosiologi hukum Islam dapat difahami sebagai penggabungan antara kedua-dua kaedah iaitu kaedah ilmu *Usul al-Fiqh* dan disiplin ilmu sains sosial. Pendekatan bersepadan ini (hukum Islam dan sains sosial) merupakan satu metode yang ideal untuk memastikan hukum Islam bersifat semasa dan mampu menangani jurang kelompongan dan kelemahan dalam metodologi hukum Islam sebelum ini yang lazimnya bersifat tekstual semata-mata di samping mengabaikan elemen kontekstual.

Berhubung dengan fenomena sinkretisme dalam masyarakat Bajau, ia merupakan satu masalah besar kerana ia melibatkan dua elemen penting yang saling bertentangan iaitu mengamalkan ritual tertentu dan mengaitkannya dengan ajaran Islam. Sehubungan dengan itu, para sarjana hukum Islam harus menggunakan pendekatan yang sesuai dalam menangani masalah ini kerana dikhuatiri pendekatan yang keras akan menyebabkan orang Bajau terus mengamalkan amalan tradisi yang bertentangan dengan ajaran Islam.

## Rujukan

- A. L. Belford. (1996). *The Encyclopedia Americana International Edition*. Connecticut: Grolier Incorporated.
- Anwar, Syamsul. (1994). Epistemologi Hukum Islam Probabilitas dan Kepastian, dalam Yudian W. Asmin (ed.), *Ke Arah Fiqh Indonesia*. Yogyakarta: FSHI Fak. Syari'ah.
- Anwar, Syamsul. (2002). Paradigma Fikih Kontemporer: Mencari Arah Baru Telaah Hukum Islam Pada Program S3 PPS IAIN Ar-Raniry Banda Aceh. *Makalah Lokakarya Program Doktor Fikih Kontemporer pada Pascasarjana IAIN Ar-Raniry, Darussalam*, Banda Aceh, 28 Agustus.
- Anwar, Syamsul. (2002). Pengembangan Metode Penelitian Hukum Islam. Dalam Ainurrofiq (ed.), *Madzhab Jogja Mengggas Paradigma Usul Fiqh Komtemporer*. Yogyakarta: Pustaka Ar-Ruz.
- Anwar, Syamsul. (2002). Teori Hukum Hukum Islam al-Ghazali dan Pengembangan Metode Penemuan Hukum Islam. Dalam M. Amin Abdulllah et. al. (ed.), *Tafsir Baru Studi Islam dalam Era Multi Kultural*. Yogyakarta: Kurnia Kalam Semesta.
- Catherine Soaners. (2001). *Oxford Dictionary, Thesaurus and Wordpower Guide*. New York: Oxford University Press.
- Carsten Colpe. (1987). Syncretism. Dalam Eliade Mircea, (ed.), *The Encyclopedia of Religion*. New York: Simon & Schuster Macmillan.
- David. L. Sills et al. (1968). *International Encyclopedia of The Social Sciences*. New York: The Macmillan Company & The Free Press.
- Grolier Incorporated. (1999). *The Encyclopedia Americana international Edition*. Danbury: Grolier Incorporated.
- Halina Sendera Mohd Yakin. (2007). Identiti Budaya Etnik Palau' di Semporna, Sabah: Konservasi, Adaptasi dan Transformasi Budaya. *Kertas Kadangkala Bil.7*, Universiti Malaysia Sabah.
- Hanafi Hussin. (2008). Magpaii-Bahau: Reunion between Living and Dead among Bajau Community of Semporna, Sabah, Malaysia. Dalam Hanafi Hussin (ed.), *Southeast Asian Religion, Culture and Art of the Sea*. Kuala Lumpur: University of Malaya, Institute of Ocean and Earth Sciences.
- Hanafi Hussin. (2009). "Diaspora Bajau Laut dan Pengekalan serta Penerusan Amalan Tradisi di Sabah", *Borneo Research Journal*, 2(2008), 154. Makalah ini juga turut dibentangkan di persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia, Universitas Gajah Mada, Yogyakarta, Indonesia, Jun 2009.
- Hashim Fauzy Yaakob. (2010, February 26). Sinkretisme Agama dan Islam. *Utusan Malaysia*.
- James Mark Baldwin. (1986). *Encyclopedia of Philosophy and Psychology*. New Delhi: Cosmo Publications.
- Julius Gould et al. (1964). *A Dictionary of The Social Sciences*. New York: Free Press.
- Justin Lee Hing Giap. (1994). *The Blurring of Boundaries at The Periphery: Explaining the Eclecticism and Syncretism of Alternative Healing, Psychotherapeutic, Motivational and Spiritual Movements*. Disertasi Sarjana, Jabatan Sosiologi, Universiti Nasional Singapura.
- Md Saffie Abd. Rahim, Wan Shawaluddin Wan Hassan Ramli Dollah, Ab. Nasir Roslan. (2012). Kegiatan Ekonomi. Dalam Md Saffie Abd Rahim (ed.), *Bajau Pantai Timur*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Norazit Selat. (1989). *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharoni et al. (2005). *Kamus Dewan*, ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- R. Beals. (1953). *Anthropology Today: An Encyclopedia Inventory*. Chicago: University of Chicago Press.
- Rosnah Ismail. (2001). *Interaksi Keluarga Bajau*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Normis Mahali. (1999). *Bahasa dan Alam Pemikiran Masyarakat Bajau*. Kota Kinabalu: Centre for The Promotion of Knowledge and Language Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Normis Mahali. (2012). *Bajau Pantai Barat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Suraya Sintang. (2003). *Fenomena Sinkretisme-Islam Dalam Adat Resam Masyarakat Bugis: Kajian Kes Daerah Tawau, Sabah*. Seminar Zaba Mengenai Alam Melayu 1, Nilai-Nilai Peradaban Melayu, 12-14 Ogos 2003.
- Safi, Louay. (2001). *Ancangan Metodologi Alternatif: Sebuah Refleksi Perbandingan Metode Penelitian Sosial dan Barat*. Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Safi, Louay. (1996). *The Foundation of Knowledge, A Comparative Studyin Islamic and Western Methods of Inquiry*. Selangor: IIU & IIIT.
- Syatibi asy-. (t.t.). *al-Muwaafaqat fi Ushul al-Ahkar*. Ttp: Dar al-Fikr, 1341 H. Zahrah, Abu. *Ushul al-Fiqh*. ttp.: Dar al-Fikr al-Araby.
- Tuan Hj. Kassim Dasaim. (19 Ogos 2015). Ketua Kampung Gallam-gallam, Pulau Bum-Bum Semporna Sabah [Temubual].

- William L. Reese. (1980). *Dictionary of Philosophy and Religion*. New Jersey: Humanities Press Inc.
- Yap Beng Liang. (1977). *Orang Bajau Pulau Omaidal, Sabah: Satu Kajian Tentang Sistem Budaya*. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Yap Beng Liang. (1985). The Traditional World –View of the Indigenous Peoples of Sabah. Dalam. Mohd Taib Osman (ed.), *Malaysian World View*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.